

13 OCT 2000

Rais-Debat

RAIS SANGSI AKAN MANFAAT KESELURUHAN DEBAT MENGENAI HAK MELAYU

KUALA KLAWANG, 13 Okt (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim hari ini berkata secara peribadi beliau agak sangsi dengan manfaat keseluruhan debat mengenai hak Melayu antara ketua Pemuda Umno dan PAS.

Ini kerana jika PAS dan Umno mula membahaskan perkara itu secara terbuka sekarang, tiada apa lagi yang boleh menghalang orang Melayu dan bukan Melayu untuk membahaskannya.

"Jadi saya fikir oleh kerana pintu itu sudah dibuka, berhati-hatilah...tetapi jika anda tanya saya secara peribadi saya tidak akan memulakan langkah merobohkan benteng ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pusat bersalin pilihan di Klinik Kesihatan Simpang Durian di sini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berkata debat mengenai hak Melayu itu patut diadakan agar orang ramai tidak terkeliru bagaimanapun cara mana debat itu patut dikendalikan perlu dikaji.

Dr Rais berkata lebih banyak masalah akan timbul kemudian walaupun ada manfaatnya.

"Anda akan menghilangkan banyak kekaburan, banyak bidang masalah tetapi ia hanyalah sementara," katanya.

Bagaimanapun dari satu segi Rais berkata ada manfaatnya jika perkara 153 perlembagaan diperincikan pada debat itu.

"Saya mesti tegaskan mengikut Perkara 153 (1) hak bukan Melayu turut dijamin, tetapi ini tidak pernah dijelaskan... debat itu saya harap juga akan menonjolkan bahagian itu, selama ini kita menyatakan 153 adalah untuk orang Melayu tetapi terdapat satu klausa (menyatakan) bahawa Yang di-Pertuan Agong melindungi hak bukan Melayu," katanya.

Dari satu segi lain, beliau mengingatkan bahawa dalam mendebatkan hak keistimewaan, semua pihak harus bertanggungjawab dan memahami batas-batas perbahasan supaya tidak mencabul undang-undang berkaitan hasutan.

"Sebenarnya di bawah undang-undang hasutan perkara seperti hakim, Raja-raja Melayu, hak istimewa orang Melayu tidak wajar dibahas tanpa batas. Jadi mesti ada batasnya dan saya berharap semua pihak yang akan mengambil bahagian dalam perbahasan itu bertanggungjawab dan mengetahui lunas-lunas serta batas perbahasan supaya tidak menimbulkan kecenderungan atau bibit-bibit hasutan," katanya.

Rais menarik perhatian bahawa di Parlimen dan Dewan Undangan Negeri sendiri perkara 153 yang menyentuh hak tidak boleh dibahas kecuali kaedah pelaksanaannya dan ada pihak mengatakan larangan itu tidak ada kaitan dengan bahas umum, maka beliau mengingatkan mereka supaya berhati-hati.

-- BERNAMA

AZ RHM RON